

## PENYATA PENERUS

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Beraudit Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" atau "Syarikat") bagi tahun kewangan berakhir pada 30 Jun 2018.

### PRESTASI KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan 2018, Kumpulan mencatat pendapatan 12% lebih tinggi sebanyak RM380.5 juta berbanding dengan RM339.7 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan lalu. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh perniagaan bahan binaan dan perniagaan minyak pelincir kita. Keuntungan operasi bagaimanapun merosot 11% kepada RM12.8 juta daripada RM14.3 juta pada tahun lepas berikutan campuran jualan yang berbeza.

Perniagaan bahan binaan terus beroperasi dalam persekitaran perniagaan yang mencabar kerana ia berkait rapat dengan sektor pembinaan dan pembangunan hartanah yang masih suram disebabkan keadaan pasaran yang lemah dan syarat pinjaman lebih ketat dikenakan oleh institusi-institusi kewangan ke atas pembeli hartanah. Perniagaan minyak pelincir kita mengekalkan momentumnya dalam mencapai pertumbuhan jualan.

Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai lebih tinggi sebanyak RM22.8 juta berbanding RM16.7 juta pada tahun kewangan lalu. Pelupusan keseluruhan 20% ekuiti kepentingan dalam Suzuki Motor Malaysia Sdn Bhd, sebuah syarikat bersekutu, telah menyumbang sebanyak RM10.2 juta kepada keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan dalam kajian.

Aset bersih Kumpulan bertambah baik kepada RM547.8 juta daripada RM536.3 juta pada tahun sebelumnya dengan aset bersih sesaham dicatatkan pada RM2.40, meningkat sebanyak 5 sen berbanding tahun sebelumnya.

### PROSPEK

Dalam jangka masa terdekat, persekitaran operasi diramal kekal mencabar berikutan keadaan pasaran semasa dan ketidakpastian yang ada. Perniagaan bahan binaan kita terus berdepan cabaran dari pasaran hartanah manakala perniagaan minyak pelincir, produk petroleum dan produk automatik dijangka terus menyumbang hasil yang positif kepada Kumpulan bagi tahun kewangan akan datang dengan portfolio pasaran dan produk yang lebih luas.

Kumpulan akan sentiasa terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk mendepani cabaran-cabaran ini. Kita akan terus menyelaras strategi kita dalam mengembangkan perniagaan dan memberi tumpuan kepada pelanggan bagi meningkatkan keuntungan dalam jangka panjang.

### LEMBAGA PENGARAH

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang, Y. Bhg. Dato' Kalsom binti Abd. Rahman dan Encik Lin Chung Dien yang mana kedua-duanya telah berkhidmat dalam Lembaga Pengarah selama lebih daripada 9 tahun, telah memaklumkan kepada Lembaga Pengarah hasrat mereka untuk tidak dilantik semula sebagai Pengarah Bebas Syarikat. Y. Bhg. Dato' Kalsom juga berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Penamaan, dan ahli Jawatankuasa Imbuan manakala Encik Lin berkhidmat sebagai ahli bagi Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Penamaan dan Jawatankuasa Imbuan Syarikat. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua Y. Bhg. Dato' Kalsom dan Encik Lin atas sumbangan mereka yang tidak ternilai sepanjang tempoh menjadi Pengarah Syarikat dan ahli Jawatankuasa tersebut.

### PENGHARGAAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pemegang saham, pembiaya, rakan perniagaan dan pelbagai pihak berkuasa kerajaan dan pihak berkuasa kawal selia atas sokongan dan keyakinan berterusan terhadap Kumpulan.

Saya juga ingin menyampaikan penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan Pengarah atas bimbingan, sokongan dan sumbangan yang tidak ternilai.

Akhir sekali, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja atas dedikasi serta komitmen mereka terhadap Kumpulan.

**TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG**  
Pengerusi

## CHAIRMAN'S STATEMENT

On behalf of the Board of Directors, I am pleased to present the Annual Report and Audited Financial Statements of Lion Forest Industries Berhad ("LFIB" or "the Company") for the financial year ended 30 June 2018.

### FINANCIAL PERFORMANCE

For Financial Year 2018, the Group achieved a 12% higher revenue of RM380.5 million compared with RM339.7 million recorded in the last financial year. The increase was mainly contributed by both our building materials trading and lubricant businesses. Profit from operations however declined 11% to RM12.8 million from RM14.3 million last year due to different sales mix.

The building materials business continued to operate in a challenging business environment as it is closely linked to the construction and property development sectors that had remained soft due to the weak market conditions and tighter lending from financial institutions for property purchasers. Our lubricant business maintained its momentum in achieving sales growth.

The Group registered higher profit before tax of RM22.8 million over RM16.7 million in the last financial year. The disposal of the entire 20% equity interest in Suzuki Motor Malaysia Sdn Bhd, an associated company, contributed a gain of RM10.2 million to the Group's profit for the financial year under review.

The Group's net assets improved to RM547.8 million from RM536.3 million in the preceding year with net assets per share registering at RM2.40, an increase of 5 sen over the preceding year.

### PROSPECTS

In the near term, the operating environment is anticipated to remain challenging in view of the prevailing market conditions and uncertainties. Our building materials business continues to face challenges from the property market whilst our lubricants, petroleum and automotive products businesses are expected to continue to contribute positive results to the Group for the next financial year with a broader market and products portfolio.

The Group will remain vigilant and take proactive steps to meet these challenges. We will continue to align our strategies to expand our businesses and be more customer centric in order to grow the profit in the long term.

### BOARD OF DIRECTORS

At the forthcoming Annual General Meeting, Y. Bhg. Dato' Kalsom binti Abd. Rahman and Mr Lin Chung Dien, both of whom, having served on the Board for more than 9 years, have informed the Board that they do not wish to seek re-appointment as Independent Directors of the Company. Y. Bhg. Dato' Kalsom has also served as the Chairman of the Audit and Risk Management Committee and Nomination Committee, and a member of the Remuneration Committee while Mr Lin has served as a member of the Audit and Risk Management Committee, the Nomination Committee and the Remuneration Committee of the Company. On behalf of the Board, I would like to express my sincere appreciation to Y. Bhg. Dato' Kalsom and Mr Lin for their invaluable contributions during their tenure as Directors of the Company and as members of the respective Board Committees.

### APPRECIATION

On behalf of the Board of Directors, I wish to express my deepest appreciation to our shareholders, financiers, business associates and the various governmental and regulatory authorities for their continuing support and confidence in the Group.

I would also like to convey my appreciation and gratitude to my fellow Directors for their invaluable guidance, support and contribution.

Last but not least, my sincere thanks go to the management and staff for their dedication and commitment to the Group.

**TAN SRI WILLIAM H.J. CHENG**  
Chairman

## 主席报告

我谨此代表董事部，欣然提呈金狮森林工业有限公司 (Lion Forest Industries Berhad) 截至2018年6月30日会计年度的常年报告和经审核财务报表。

### 财务表现

在2018会计年度，本集团的收入增加12%，达到3亿8千050万令吉，上一个会计年度的收入是3亿3千970万令吉。收入增加，主要是由于建筑材料的业务和润滑油业务都作出贡献。而营业利润却减少11%，从上一年度的1千430万令吉减少到今年度的1千280万令吉，主要是由于不同的销售组合造成的。

建筑材料的业务，持续在挑战性的环境下运作，因为它和建筑业与产业发展业密切关联，而建筑业和产业发展业仍然疲软，这是由于市场情况仍然疲弱，以及金融机构收紧房屋贷款条件。我们的润滑油业务保持动力，取得销售增长。

本集团在本会计年度的税前盈利增加到2千280万令吉，上一个年度的税前盈利是1千670万令吉。我们把在联号铃木汽车马来西亚私人有限公司的20%股权全部出售，在本会计年度为本集团取得1千020万令吉的盈利。

本集团的净资产增加到5亿4千780万令吉，上一个年度是5亿3千630万令吉。而每股的净资产是2.40令吉，比上一年度增加5仙。

### 展望

在近期内，由于目前的市场情况以及不确定因素，本集团的营运环境预测会继续充满挑战。我们的建筑材料业务继续面对来自产业市场的挑战。而我们的润滑油、石油产品和汽车产品的业务配合更广阔的市场和产品组合，继续在下一个会计年度对本集团的业绩作出正面贡献。

本集团将保持警惕，并积极主动应付这些挑战。我们将调整策略以扩展业务，并更加注重以客为尊，以便能长期的取得利润增长。

### 董事部

在即将召开的常年大会中，两位任期超过9年的董事 Y. Bhg. Dato' Kalsom binti Abd. Rahman 和林忠典先生将无意寻求重新被委任为独立董事。Y. Bhg. Dato' Kalsom 也担任审计和风险管理委员会的主席以及提名委员会的主席，也是薪酬委员会的委员。林先生则是审计和风险管理委员会、提名委员会以及薪酬委员会的委员。我谨代表董事部，真诚的感谢他们两人，在担任本公司的董事和本公司的上述委员会的委员期间，作出宝贵的贡献。

### 鸣谢

我谨代表董事部，衷心感谢我们所有尊贵的股东们、金融机构、商业伙伴以及各政府单位，感谢他们继续给予本集团支持和对本集团有信心。

我也至诚感谢董事部成员，感谢他们给予珍贵的指导、支持和贡献。

最后，我真诚感谢管理层和职员们对本集团的奉献。

主席  
丹斯里锺廷森